

## **NO. SOALAN : 64**

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Pindaan 2013) tidak mempunyai apa-apa garis panduan khusus dalam penerbitan drama di Malaysia. Walau bagaimanapun, Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah Jabatan bertanggungjawab di peringkat akhir dalam penapisan kandungan. Bagi semua filem sama ada filem tempatan atau luar negara hendaklah mendapat kelulusan daripada LPF terlebih dahulu sebelum diedar atau ditayangkan kepada umum. Sehubungan dengan itu, setiap filem yang ditontontapis oleh LPF.

Selain itu, garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga dijadikan sebagai panduan umum yang tidak bersifat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan iaitu Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan Penyiaran Berunsur Islam dan Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Garis panduan ini telah dijadikan sebagai salah satu asas rujukan dan panduan kepada agensi kerajaan berkaitan dengan penerbitan, penapisan dan mengawal kandungan bahan penerbitan agar tidak bertentangan dengan ajaran Islam.